

APLIKASI ROBOT *HAJARUL ASWAD* DALAM MEMBANTU MENINGAT PERISTIWA PERLETAKAN *HAJARUL ASWAD* PENDIDIKAN ISLAM

NUR QARDIRAH BINTI ISA

nurqardirah@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengingat dalam bidang sirah bagi murid Tahun 2 melalui penggunaan 'Robot *Hajarul Aswad*' yang menggunakan anggota badan dan kaedah mnemonik iaitu akronim dan akrostik. Tinjauan awal menunjukkan bahawa murid tidak dapat mengingat sepenuhnya fakta dalam peristiwa perletakan *Hajarul Aswad* dengan betul. Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid Tahun 2 yang lemah dalam mengingati fakta bidang sirah khususnya dalam tajuk Peristiwa Perletakan *Hajarul Aswad*. Peserta kajian terdiri daripada empat orang murid Tahun 2 dari sebuah sekolah rendah sekitar bandar Kuching yang memperoleh markah rendah dalam proses pengumpulan data awal. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah melalui kaedah pemerhatian, temu bual,soalan sebelum dan selepas kajian serta borang maklum balas. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan terhadap markah murid murid selepas pengaplikasian 'Robot *Hajarul Aswad*'. Secara keseluruhan, kajian ini memberi sumbangan dalam menarik minat murid untuk belajar fakta sirah dan membantu murid untuk mengingat dengan lebih mudah. Bagi menjalankan kajian lanjutan, saya mencadangkan agar kaedah mnemonik digunakan dengan sebaiknya bagi tajuk sirah dan matapelajaran yang lain.

Kata kunci: *Robot Hajarul Aswad, anggota badan, kaedah mnemonik, peristiwa perletakan Hajarul Aswad, menarik minat murid, pengajaran sirah*

PENGENALAN

Pada praktikum fasa dua, saya telah mengenalpasti bahawa murid Tahun 2 Merpati mempunyai masalah dalam mengingat fakta sirah dan mempunyai persepsi bahawa bidang sirah membosankan. Impaknya, murid tidak fokus di dalam kelas sehingga mengganggu sesi PdP. Berdasarkan pemerhatian, murid mula hilang tumpuan apabila teknik bercerita digunakan. Menurut Ghazali (2004), kemahiran dalam teknik bercerita amat diperlukan sesuai dengan tahap murid supaya cerita yang disampaikan dapat difahami. Murid menjadi bosan apabila rangsangan yang lemah digunakan dalam proses pengajaran (Robert, 2009). Namun, apabila saya menunjukkan kad gambar, murid mula menunjukkan minat dan fokus semasa saya bercerita. Oleh yang demikian, penyampaian yang pelbagai sangat diperlukan dalam menggunakan kaedah bercerita (Rosie, 2007). Data awal saya juga dikukuhkan lagi dengan hasil lembaran kerja yang tidak dijawab oleh murid. Jelaslah disini bahawa murid tidak berminat untuk belajar sirah dan terbukti ia menyebabkan mereka tidak ingat isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Menurut Buzan dan Barry (2003), ingatan manusia lebih mudah mengingat sesuatu yang menarik seperti gambar dan tulisan yang ringkas. Oleh yang demikian, saya telah membina bahan yang berupaya menarik minat murid serta membantu murid mengingat fakta sirah dengan mudah melalui Aplikasi Robot *Hajarul Aswad*.

FOKUS KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang telah dikenalpasti, fokus kajian ia adalah untuk membantu murid Tahun 2 Merpati dalam mengingat fakta sirah yang telah dipelajari di dalam kelas. BBM yang telah dibina adalah kombinasi penggunaan kaedah mnemonik melalui aplikasi Robot *Hajarul Aswad*. Bagi menarik minat murid, saya telah menggunakan Robot *Hajarul Aswad* semasa bercerita Peristiwa Perletakan *Hajarul Aswad*. Berdasarkan temu bual bersama murid, kaedah bercerita sahaja tanpa sokongan daripada BBM adalah sangat membosankan dan menyebabkan murid mudah untuk mengantuk dan hilang fokus semasa sesi PdP dijalankan. Menurut Ghazali Darussalam (2004) menyatakan bahawa kaedah bercerita memerlukan penguasaan terhadap prinsip-prinsip dan kemahiran tertentu supaya dapat memberikan impak yang positif kepada murid. Oleh itu, semasa bercerita saya telah mengaitkan penggunaan teori warna, bentuk, gambar dan bahan maujud bagi menarik minat murid supaya mereka tidak hilang fokus. Buzan (2003) turut menyatakan bahawa kanak-kanak suka melukis dan melihat benda yang berwarna-warni. Strategi yang digunakan dalam proses mengingat ialah melalui penggunaan mnemonik, kata kunci dan peta konsep (Tan et.al., 2003). Justeru itu, saya telah mengaplikasikan kaedah mnemonik iaitu kaedah akrostik dan akronim dalam penggunaan Aplikasi Robot *Hajarul Aswad* serta penggunaan teori warna bagi membantu murid mengingat isi pelajaran serta meningkatkan minat murid dalam mempelajari bidang sirah.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

1. Membantu murid untuk mengingat isi pelajaran tentang pengajaran sirah dengan menggunakan Robot *Hajarul Aswad*.
2. Membantu meningkatkan minat murid terhadap pengajaran sirah dengan menggunakan Robot *Hajarul Aswad*.

Persoalan Kajian


Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian yang berikut:




1. Adakah Robot *Hajarul Aswad* membantu murid untuk mengingat isi pelajaran tentang pengajaran sirah?
2. Bagaimanakah penggunaan Robot *Hajarul Aswad* membantu meningkatkan minat murid untuk mempelajari sirah?

PESERTA KAJIAN

Jadual 1

Ciri-ciri Peserta Kajian

BIL	NAMA (Nama Samaran)	JANTINA	CIRI-CIRI MURID
1.	Rizal 	L	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan muid yang mempunyai prestasi yang lemah dari segi akademik terutama bidang sirah - Sangat suka berbual dengan rakan. - Merupakan murid yang aktif dan suka berjalan. - Mempunyai daya ingatan yang lemah - Suka melukis - Seringkali lambat menghantar tugasan yang diberi


2.	<p>Asyraf</p> 	L	<ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai prestasi yang lemah dalam akademik - Merupakan murid yang pendiam - Sering kelihatan takut apabila disoal oleh guru - Mempunyai daya ingatan yang lemah - Merupakan murid yang mudah untuk didekati - Sentiasa menghantar tugas yang diberikan - Suka termenung
3.	<p>Athirah</p> 	P	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan murid yang sederhana dalam prestasi akademik - Suka bertanya di dalam kelas - Mempunyai daya ingatan yang lemah - Sentiasa memberi perhatian di dalam kelas - Kurang berminat belajar fakta yang panjang
4.	<p>Syahirah</p> 	P	<ul style="list-style-type: none"> - Merupakan murid yang pendiam - Mempunyai prestasi akademik yang lemah. - Keyakinan diri yang rendah - Suka termenung dalam kelas - Mempunyai daya ingatan yang lemah - Mudah hilang fokus semasa belajar di dalam kelas - Minat melukis dan mewarna

Berdasarkan Jadual 1, peserta kajian mempunyai persamaan dari segi masalah mengingat fakta yang terlalu panjang dan merupakan murid yang mudah hilang fokus semasa sesi PdP dijalankan.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Jadual 2

Perancangan Pelaksanaan Tindakan Yang Dijalankan

TARIKH / HARI	AKTIVITI	CATATAN
2 Ogos 2017 (RABU)	<ul style="list-style-type: none"> - Perbincangan bersama Guru Besar tentang pelaksanaan kajian yang akan dijalankan pada tempoh praktikum dan pemilihan kelas sebagai peserta kajian. - Perbincangan bersama Guru Pendidikan Islam Tahun 2 Merpati - Mengedarkan borang kebenaran melaksanakan kajian kepada peserta kajian 	<ul style="list-style-type: none"> - Catatan Nota Lapangan - Analisis Dokumen
10 Ogos 2017 (KHAMIS)	- Latihan Tindakan Awal	<ul style="list-style-type: none"> - Ujian Sebelum Tindakan - Catatan Nota Lapangan - Borang maklum balas - Temu bual
23 Ogos 2017 (RABU)	<ul style="list-style-type: none"> - Pelaksanaan Tindakan (Robot <i>Hajarul Aswad</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> - Catatan Nota Lapangan - Pemerhatian - Temu bual - Lembaran kerja
30 Ogos 2017 (RABU)	- Pelaksanaan Ujian Sebelum Tindakan	<ul style="list-style-type: none"> - Ujian Selepas Tindakan - Pemerhatian - Borang Maklum Balas
7 September 2017 (KHAMIS)	- Pelaksanaan Latihan Pengukuhan	<ul style="list-style-type: none"> - Lembaran kerja - Sesi soal jawab - Pemerhatian

Jadual 2 menunjukkan secara ringkas rancangan pelaksanaan tindakan yang dilaksanakan sepanjang tempoh kajian. Robot *Hajarul Aswad* diperkenalkan setelah saya mengenalpasti masalah dan minat peserta kajian. Sesi pengajaran diteruskan dengan menggunakan kaedah bercerita namun ditambahbaik dengan penggunaan Aplikasi Robot *Hajarul Aswad* bertujuan untuk mengubah persepsi murid yang mengatakan bahawa bidang sirah bosan kepada sebuah PdP yang menarik serta membantu murid mengingat dengan mudah kronologi Peristiwa Perletakan *Hajarul Aswad* dengan betul dengan memperkenalkan teknik akronim dan akrostik.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan Robot *Hajarul Aswad* berjaya membantu murid mengingat Peristiwa Perletakan *Hajarul Aswad* dengan betul. Gabungan teori warna, bentuk, kaedah akrostik, teknik bercerita serta simulasi menguatkan lagi ingatan murid tentang tajuk yang telah dipelajari. Penyataan ini dapat dikukuhkan lagi dengan skor peningkatan markah murid berdasarkan Jadual 3.

Jadual 3

Peratusan Skor Markah Ujian Sebeleum, Selepas dan Pengukuhan

Bil.	Peserta kajian (nama samaran)	Markah Ujian Sebelum (%) ($\frac{2}{5} \times 100$)	Markah Ujian Selepas (%) ($\frac{2}{5} \times 100$)	Markah Ujian Pengukuhan (%) ($\frac{2}{7} \times 100$)
1	Rizal	25	100	86
2	Asyraf	44	100	100
3	Athirah	38	100	100
4	Syahirah	38	100	86

Berdasarkan Jadual 3, peratusan skor markah Ujian Sebelum, Selepas dan Pengukuhan murid menunjukkan peningkatan yang amat ketara dari segi mengingat fakta sirah. Keempat-empat peserta kajian berjaya mendapat markah 100% selepas tindakan dijalankan. Bagi Ujian Pengukuhan pula, dua orang peserta kajian masih mendapat markah 100% iaitu Asyaf dan Athirah, manakala Rizal dan Syahirah mendapat markah sebanyak 86%. Hal ini jelas membuktikan bahawa peserta kajian mampu mengingat isi pelajaran sirah setelah pelaksanaan tindakan dijalankan iaitu dengan menggunakan teknik akrostik dan akronim. Menurut Tan et.al., (2003), strategi untuk mudah mengingat adalah melalui penggunaan kaedah mnemonik, kata kunci dan pemetaan konsep serta penyusun awal.

Dapatan saya dikukuhkan lagi dengan peningkatan sebanyak 100% bagi peratusan peserta kajian yang dapat menjawab soalan spontan selepas tindakan dilaksanakan. Hal ini jelas menunjukkan perubahan tingkah laku positif peserta kajian apabila soalan spontan diberikan selepas pelaksanaan tindakan iaitu lebih bersemangat dan berkeyakinan. Namun, sebelum tindakan dilaksanakan keempat-empat peserta kajian kelihatan tidak yakin dan ragu-ragu apabila diajukan soalan spontan selepas PdP dijalankan. Jelaslah bahawa apabila murid ingat apa yang dipelajari, murid mampu menjawab soalan dengan yakin dan bersemangat. Buzan (2006) menjelaskan bahawa seseorang akan ingat apa yang ingin diingatnya dengan menggunakan teknik memori atau teknik menemonik. Hasil temubual bersama peserta kajian menunjukkan bahawa teknik akrostik yang diperkenalkan berjaya

membantu mereka mengingat kronologi peristiwa perletakan *Hajarul Aswad* dengan mudah.

<p>Saya telah memperkenalkan cara penggunaan Robot <i>Hajarul Aswad</i> kepada murid. Apabila mendengar perkataan 'Robot', murid kelihatan ceria dan bertenaga. Apabila pengajaran dimulakan, murid memberikan perhatian untuk mengetahui fungsi robot yang diperkenalkan. Murid mula mendekati Robot <i>Hajarul Aswad</i> apabila melihat ada roda gambar di perut Robot. Murid memusingkan roda tersebut dan kelihatan seronok.</p>	<p>Para peserta kajian menunjukkan minat dan perhatian terhadap Robot <i>Hajarul Aswad</i>. Mereka berasa seronok kerana diberi peluang untuk memegang Robot tersebut.</p>
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Rajah 1. Sedutan Nota Lapangan PdP pada 23 Ogos 2017

Rajah 1 menunjukkan sedutan nota lapangan yang telah dicatat semasa pelaksanaan tindakan dijalankan. Respon positif ditunjukkan oleh peserta kajian apabila Robot *Hajarul Aswad* diperkenalkan. Antara respon yang ditunjukkan ialah kelihatan ceria, bertenaga, mula memberikan perhatian, seronok dan menunjukkan minat terhadap Robot *Hajarul Aswad*. Berdasarkan temubual juga membuktikan bahawa peserta kajian menyatakan bahawa Robot *Hajarul Aswad* membantu meningkatkan minat mereka untuk belajar sirah dan berjaya mengubah persepsi mereka bahawa pembelajaran sirah tidak membosankan. Guru pembimbing juga menyatakan bahawa Robot *Hajarul Aswad* sememangnya berjaya mengubah tingkah laku peserta kajian untuk lebih bersemangat belajar bidang sirah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa **penggunaan Robot *Hajarul Aswad* berjaya membantu meningkatkan minat murid tahun 2 untuk mempelajari sirah.**

Berdasarkan analisis borang maklum balas, berlaku peningkatan kepada 100% bagi setiap tema yang telah disenaraikan. Ia jelas menunjukkan bahawa kesemua peserta kajian bersetuju bahawa Robot *Hajarul Aswad* membantu meningkatkan minat mereka untuk belajar bidang sirah. Malah, peserta kajian juga bersetuju bahawa pengajaran bidang sirah menyeronokkan apabila menggunakan bahan yang menarik. Hal ini selari dengan penyataan Robert (2009) yang menyatakan bahawa tujuan mengajar adalah untuk memastikan murid berminat terhadap bidang yang dipelajari, berminat untuk terus belajar dan menunjukkan sikap bersungguh-sungguh untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari ke dalam kehidupan seharian mereka. Oleh yang demikian dengan menggunakan gabungan bentuk bersifat tiga dimensi dan penggunaan warna yang menarik dapat membantu peserta kajian untuk melibatkan diri dengan sesi pengajaran disamping untuk menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam sesi pengajaran yang dilaksanakan.

REFLEKSI

Dalam menjalankan kajian ini, saya telah berjaya mengubah cara pembelajaran murid menjadi lebih berkesan dan tidak membebankan pemikiran murid. Justeru itu, teori yang dipraktikkan dalam kajian saya turut melibatkan teori pembelajaran bermakna yang telah diasaskan oleh Ausubel (1963). Menurut Meng (2005) teori ini menekankan bahawa maklumat yang diperolehi secara bermakna adalah lebih lama diingat berbanding secara hafalan semata-mata tanpa pemahaman daripada murid. Melalui penyelidikan ini, saya berpeluang mengubah amalan pengajaran yang berbentuk konvensional kepada amalan pengajaran abad ke 21. Menurut Noraini dan Shuki (2009) menyatakan bahawa kaedah bercerita sangat sesuai digunakan untuk membantu murid mengingat fakta-fakta sejarah yang memerlukan murid dan guru berimajinasi tentang cerita yang disampaikan. Justeru itu, kepelbagaian bahan

bantu mengajar dan kaedah digunakan dalam sesi pengajaran untuk menjadikan pengajaran tersebut menarik. Pelaksanaan kajian ini turut membantu saya dalam memperbaiki cara berkolaborasi dengan pelbagai pihak terutamanya dengan pihak sekolah. Banyak ilmu yang telah saya pelajari sepanjang berkolaborasi dengan warga SK Kenyalang yang berpengalaman untuk persediaan saya menjadi seorang guru setelah saya menamatkan pengajian di Institut Pendidikan Guru. Dengan memperkenalkan Robot *Hajarul Aswad*, saya mendapati persepsi murid tentang pembelajaran sirah dan tahap ingatan mereka tentang fakta sirah dapat diubah.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian tindakan merupakan satu kesedaran guru tentang amalan mereka sendiri untuk menjadi lebih kritis terhadap amalan tersebut dan bersedia untuk mengubah amalan berdasarkan pendekatan yang tertentu (McNiff, 1988). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Robot *Hajarul Aswad* dapat membantu murid mengingat dengan mudah dengan menggunakan lima teknik dalam kaedah mnemonik. Berdasarkan perkembangan positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian, saya mencadangkan supaya kajian ini dijalankan secara meluas dan dipraktikkan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk mengajar bidang sirah khususnya.

Saya telah memperkenalkan cara yang mudah untuk mengingat Peristiwa Perletakan *Hajarul Aswad* iaitu dengan menggunakan teknik akrostik untuk menggambarkan peringkat dalam plot penceritaan tersebut. Hal ini disokong oleh Meng (2005) yang berpendapat bahawa cara yang lebih bermakna sangat sesuai untuk mengasimilasikan maklumat ke dalam struktur kognitif sedia ada. Memandangkan dalam kajian ini saya menggunakan empat orang peserta kajian, saya mencadangkan agar kajian yang seterusnya akan menggunakan lebih ramai peserta kajian.

Akhir sekali, saya turut mencadangkan supaya kajian seterusnya dapat dilaksanakan dengan menambah teknik nyanyian agar dapat melibatkan peserta kajian dengan lebih aktif disamping menguatkan lagi tahap ingatan murid tentang isi pelajaran. Menurut Noraini (2003) daya ingatan dapat dikuatkan dengan menggunakan iringan irama lagu dengan rentak untuk mengurangkan kebosanan seterusnya dapat meningkatkan minat serta mendorong penumpuan murid terhadap sesi pengajaran. Akhir kata, saya berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dipraktikkan dalam pengajaran sirah dan matapelajaran lain mengikut kesesuaian.

RUJUKAN

Buzan, T. (2003). *Minds Maps For Kids*. London: Thornson.

Buzan, T. & Barry, B. (2003). *Tony & Barry Buzan The Mind map Book*. London: BBC Worldwide Limited.

Buzan, T. (2006). *Use Your Memory: Gunakan Memori Anda*. Batam : Interaksara.

Ee Ah Meng. (2005). *Kursus Perguruan Lepasa Ijazah (KPLI): Ilmu Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Ghazali Darussalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

- Rosie Turner – Bisset. (2007). *Pengajaran Pakar*. Selangor: Siri Pembangunan Profesion Perguruan.
- Robert F. M, (2009). *Teknik Mendorong Pelajar Belajar Tanpa Membunuh Semangat Mereka*. Kuala Lumpur: Siri Pembangunan Profesion Guru.
- Tan et.al., (2003). *Educational Psychology, A Practitioner – Researcher Approach*. Singapore: Thomson Learning.
- Mcniff, J. (1988). *Action Research: Principles And Practice*. Routledge: London.
- Noraini Idris & Shuki Osman (2009). *Pengajaran dan Pembelajaran Teori Dan Praktis*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.